

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 3 JULAI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 7

## Kerajaan buka pendaftaran PADU fasa kedua

# Kerajaan buka pendaftaran PADU fasa kedua

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan membuka semula pendaftaran Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) di bawah fasa kedua.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata ia bagi membolehkan mana-mana individu yang belum mendaftar dapat mengemas kini maklumat masing-masing mengikut tempoh akan ditetapkan.

"Kerajaan meminta semua pihak dapat memberikan kerjasama

ma dalam meningkatkan kesedaran rakyat akan kepentingan penggunaan data PADU.

"Pada masa depan, data PADU akan menjadi rujukan utama dalam pembentukan program intervensi kerajaan dan pengenalpastian kumpulan penerima bantuan," katanya dalam jawapan lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Rafizi menjawab soalan Datuk Anyi Ngau (GPS- Baram)

mengenai kedudukan terkini mengenai sistem PADU di Sarawak dan langkah ditetapkan supaya penduduk di Sarawak, khususnya golongan B40 tidak tersisih daripada objektif sistem PADU.

Menjawab soalan itu, Rafizi berkata, sehingga tamat tempoh pendaftaran PADU fasa satu pada Mac lalu, sebanyak 10,544,016 individu sudah mengemaskinikan maklumat da-

lam sistem berkenaan.

"Daripada jumlah itu, seramai 1,071,796 juta rakyat di Sarawak sudah mengemas kini maklumat di PADU," katanya.

Kerajaan Sarawak sebelum ini memutuskan untuk menangguhkan pendaftaran PADU di negeri itu.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, matlamat kerajaan menerusi penggunaan PADU adalah bagi meningkatkan kecekapan

perancangan dasar dan pengalihan sumber, terutama penyesaran semula subsidi dan bantuan kerajaan lebih bersasar.

"Kerajaan komited memastikan kesejahteraan rakyat tercapai selaras dengan sasaran Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), bagi menjadikan Malaysia negara yang mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi," katanya.